



**RETORIK PENULISAN NOVEL SAYEMBARA DALAM PENERAPAN NILAI
MURNI MASYARAKAT MELAYU**

Oleh

NUR MAISARAH BINTI ROSLAN

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2023

FBMK 2023 18

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

RETORIK PENULISAN NOVEL SAYEMBARA DALAM PENERAPAN NILAI MURNI MASYARAKAT MELAYU

Oleh

NUR MAISARAH BINTI ROSLAN

Disember 2023

Pengerusi : Profesor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Retorik dalam penulisan merupakan elemen penting yang digunakan oleh pengarang untuk menghidupkan karya dan mempengaruhi pemikiran pembaca. Nilai murni dapat diuraikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan. Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan retorik moden dan nilai murni sebagai asas kajian. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti retorik penulisan novel sayembara dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu, menganalisis retorik penulisan novel sayembara dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu, dan merumuskan retorik penulisan novel sayembara dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu. Kajian ini merupakan kajian reka bentuk kualitatif, iaitu menggunakan kaedah analisis teks dalam penulisan novel sayembara dan mengaitkannya dengan Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993) dan aspek nilai murni oleh Falsafah Pendidikan Negara (1987). Kajian ini diuraikan kepada beberapa bahagian, iaitu instrumen atau bahan dan disertai dengan sinopsis tiga buah novel hasil penulisan pemenang sayembara novel sejarah remaja pada tahun 2019, iaitu *Demi Tanah Qalha*, *Aku Lelaki Bernama Rosli* dan *Cinta Bangsawan*. Setiap novel akan melalui sistem pengekodan dan dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti untuk mengenal pasti retorik penulisan novel sayembara dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu. Hasil kajian ini telah merumuskan bahawa penggunaan retorik dan nilai murni seharusnya saling berkait rapat dalam penulisan novel sayembara. Keputusan kajian juga mendapati bahawa retorik yang dominan dalam kesemua novel mempunyai perbezaan secara keseluruhannya, iaitu, R2 (retorik pendedahan) sebanyak 113 di N1, R2 (retorik pendedahan) sekali lagi sebanyak 94 di N2 dan R4 (retorik penerangan) sebanyak 60 di N1. Manakala, nilai murni yang dominan dalam kesemua novel juga mempunyai perbezaan secara keseluruhannya, iaitu, NM16 (nilai murni semangat bermasyarakat) sebanyak 252 di N1, NM13 (nilai murni kesedaran) sebanyak 194 di N2, NM6 (nilai murni keadilan) sebanyak 135 di N2, NM13 (nilai murni kesedaran) sekali lagi sebanyak 132 di N1 dan NM8 (nilai murni keberanian) sebanyak 100 di N2. Hasil kajian juga mendapati persamaan di antara retorik dan nilai murni yang sedia ada. Kajian merumuskan gabungan persamaan tersebut adalah berdasarkan hasil kajian yang diperoleh. Berdasarkan analisis kajian, dapat dijelaskan bahawa model

retorik penulisan novel sayembara dalam penerapan nilai murni terdiri daripada lima (5) retorik dan sepuluh (10) nilai murni sahaja. Kajian akan datang boleh memfokuskan kepada retorik penulisan dalam penerapan nilai murni bagi novel kanak-kanak, novel sejarah, novel patriotisme dan pelbagai lagi.

Kata Kunci: Nilai murni, novel sayembara, penerapan, penulisan novel, retorik.

SDG: *GOAL 4: Quality Education*



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

RHETORIC IN WRITING A SAYEMBARA NOVEL IN THE INTEGRATION OF PURE VALUES OF THE MALAY SOCIETY

By

NUR MAISARAH BINTI ROSLAN

December 2023

Chairman : Professor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Rhetoric in writing is an important element used by the author in bringing the work to life and influencing the readers' thinking. Pure values can be described as good behavior, civilization and morals of individual human beings in their relationships with fellow humans, nature and God. This study is a descriptive study that uses modern rhetorical theory and pure values as the basis of the study. Therefore, the objective of this study is to identify the rhetoric in writing a *sayembara* novel in the integration of pure values of the Malay society, analysing the rhetoric in writing a *sayembara* novel in the integration of pure values of the Malay society and formulating the rhetoric in writing a *sayembara* novel in the integration of pure values of the Malay society. This study focuses on qualitative design through text and content analysis in *sayembara* novels. For that reason, this study is more focused on careful and detailed content analysis by using the modern rhetorical theory by Enos & Brown (1993) and the aspects of pure values by the National Philosophy of Education (1987). This study is described in several parts which are instruments or materials and is accompanied by a synopsis of three novels from the winners of *Novel Sayembara Sejarah Remaja in the year 2019* that is *Demi Tanah Qalha, Aku Lelaki Bernama Rosli dan Cinta Bangsawan*. Each novel goes through a coding system and analysed using ATLAS.ti software to identify the rhetoric in writing a *sayembara* novel in the integration of pure values of the Malay society. The results of this study have concluded that rhetoric and pure values should be closely related in the writing of *sayembara* novels. The results of the study also found that the dominant rhetoric in all the novels as a whole are different, namely, the R2 (rhetoric of disclosure) with a total of 113 in N1, R2 (rhetoric of disclosure) once again with a total of 94 in N2 and R4 (rhetoric of explanation) with a total of 60 in N1. Whereas, the dominant of pure values in all the novels were also different, namely, NM16 (pure values of justice) with a total of 252 in N2, followed by NM13 (pure values of consciousness) with a total of 194 in N2, NM6 (pure values of justice) with a total of 135 in N2, NM13 (pure values of consciousness) once again with a total of 132 in N1 and NM8 (pure values of courage) with a total of 100 in N2. Other than that, there are similarities in the existing rhetoric and pure values and the combination of these similarities has been formulated based on the results of the study. The model of rhetoric in writing a *sayembara* novel in the

integration of pure values of the Malay society consists of five (5) rhetorics and ten (10) pure values based on the research analysis. It is hoped that future studies will focus on the study of rhetoric and pure values in children's novels, historical novels and patriotic novels.

Keywords: Integration, novel writing, pure values, rhetoric, sayembara novel.

SDG: GOAL 4: Quality Education



PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT atas peluang yang diberikan kepada saya untuk melanjutkan pengajian PhD Bahasa Melayu. Alhamdulillah.

Saya juga ingin berterima kasih kepada Mama saya, Profesor Dr Normaliza Abd.Rahim yang telah banyak membantu saya sepanjang proses menyiapkan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya Profesor Dr. Vijayaletchumy Subramanian, yang telah meonolong saya sepanjang perjalanan pengajian PhD. Terima kasih kepada penyelia bersama saya, Dr. Muhammad Alif Redzuan Abdullah yang telah banyak membantu dan memberikan sokongan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada suami saya, Zulhelmi Azizi Mohd Jamil kerana sangat memahami dan menyokong sepanjang proses menyiapkan tesis saya. Anak-anakku yang dikasihi, Sofea Al-Latisya Zulhelmi Azizi, Mateen Al Fattah Zulhelmi Azizi dan Amelia Al-Iman Zulhelmi Azizi yang sentiasa ada bersama-sama menemani saya menempuh susah dan senang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ayah saya, Roslan Osman, kakak sulung saya, Sr Gs. Dr. Siti Nur Aliaa Roslan yang sentiasa ada untuk saya dan adik beradik lain, Aiman Mustaqim Roslan, Muhammad Mustaqim Roslan, Dr Nur Widad Roslan dan Alim Al-Mustaqim Billah Roslan kerana banyak memberikan sokongan kepada saya.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Muhammad Alif Redzuan bin Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 Mei 2024

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Batasan / Skop Kajian	5
1.6.1 Novel Sayembara Sejarah Remaja	5
1.6.2 Retorik Moden	6
1.6.3 Nilai Murni	6
1.6.4 Masyarakat Melayu	7
1.6.5 Perkaitan antara Novel Sejarah dengan Retorik dan Nilai Murni	7
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.7.1 Masyarakat	7
1.7.2 Kementerian Pendidikan	7
1.7.3 Guru	8
1.7.4 Pelajar	8
1.7.5 Sejarawan	8
1.8 Definisi Operasional	8
1.8.1 Nilai Murni	8
1.8.2 Retorik Moden	9
1.9 Novel Sayembara Sejarah Remaja	9
1.9.1 Falsafah Pendidikan Negara (FPN)	9
1.10 Organisasi Kajian	9
1.11 Kesimpulan	10
 2 SOROTAN KAJIAN	 11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Kajian tentang Retorik	11
2.3 Kajian tentang Nilai Murni	20
2.4 Jurang Penyelidikan	34
2.5 Kesimpulan	36
 3 METODOLOGI	 37

3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Kaedah Kajian	37
3.3.1	Instrumen/ Bahan	37
3.3.2	Prosedur	43
3.3.3	Analisis	44
3.3.4	Kebolehpercayaan dan Kesahan Data	50
3.4	Kerangka Teori	52
3.4.1	Teori Retorik Moden dan Nilai Murni dalam Falsafah Pendidikan Negara	52
3.4.2	Teori Retorik Moden (Enos & Brown, 1993)	52
3.4.3	Nilai Murni (Falsafah Pendidikan Negara)	53
3.5	Kerangka Konseptual	54
3.6	Kesimpulan	56
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	57
4.1	Pengenalan	57
4.2	Nilai Murni dalam Retorik Menerusi Tiga Buah Novel	57
4.2.1	Nilai Murni dalam Retorik	57
4.3	Retorik dan Nilai Murni dalam Retorik yang Dominan bagi Setiap Novel	82
4.3.1	Retorik yang Dominan dalam Setiap Novel	83
4.3.2	Nilai Murni dalam Retorik yang Dominan	94
4.4	Merumuskan Retorik Penulisan Novel Sayembara dalam Penerapan Nilai Murni Masyarakat Melayu	112
4.4.1	Novel Sayembara Berbentuk Cinta Kepada Negara	113
4.4.2	Novel Sayembara Berbentuk Cinta kepada Manusia	114
4.5	Rumusan Model Retorik Penulisan Novel Sayembara dalam Penerapan Nilai Murni Masyarakat Melayu	116
4.6	Kesimpulan	118
5	KESIMPULAN	119
5.1	Pengenalan	119
5.2	Rumusan	119
5.3	Implikasi	120
5.3.1	Implikasi terhadap Teori	120
5.3.2	Implikasi terhadap Praktikal	120
5.3.3	Implikasi terhadap Penulis Novel	121
5.3.4	Implikasi terhadap Pembaca	121
5.3.5	Implikasi terhadap Sikap Patriotisme Individu	121
5.4	Kebaharuan	122
5.5	Cadangan	123
5.5.1	Kajian tentang Nilai Murni dalam Novel Kanak-kanak	123
5.5.2	Kajian tentang Nilai Murni dalam Retorik Novel Sejarah	123
5.5.3	Kajian tentang Nilai Murni dalam Retorik Novel Patriotisme	123
5.6	Penutup	124

BIBLIOGRAFI	125
LAMPIRAN	132
BIODATA PELAJAR	148
SENARAI PENERBITAN	149



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Pengekodan Novel	45
2 Pengekodan Aspek Retorik Moden (Retorik Penceritaan, Retorik Pendedahan, Retorik Pemerian, Retorik Penerangan dan Retorik Pemujukan)	46
3 Pengekodan Nilai Murni	47
4 Pengekodan Perenggan dan Halaman	48
5 Nilai Murni dalam Retorik Penceritaan bagi N1P5MS86, N2P2MS3 dan N3P1MS77	59
6 Nilai Murni dalam Retorik Penceritaan bagi N1P3MS7, N2P10MS85-86 dan N3P3MS83	60
7 Nilai Murni dalam Retorik Penceritaan bagi N1P3MS111, N2P1MS119 dan N3P3MS110	61
8 Nilai Murni dalam Retorik Pendedahan bagi N1P3MS7, N2P10MS85-86 dan N3P3MS83	62
9 Nilai Murni dalam Retorik Pendedahan bagi N1P3MS7, N2P10MS85-86 dan N3P3MS83	64
10 Nilai Murni dalam Retorik Pendedahan bagi N1P4MS32, N2P1MS4 dan N3P1MS161	65
11 Nilai Murni dalam Retorik Pemerian bagi N1P3MS7, N2P10MS85-86 dan N3P3MS83	66
12 Nilai Murni dalam Retorik Pemerian bagi N1P2MS61, N2P4MS93-94 dan N3P1MS12	68
13 Nilai Murni dalam Retorik Pemerian bagi N1P2MS16, N2P2MS7 dan N3P5MS20	69
14 Nilai Murni dalam Retorik Penerangan bagi N1P1MS91, N2P4MS112-113 dan N3P4MS25	71
15 Nilai Murni dalam Retorik Penerangan bagi N1P3MS103, N2P2MS141 dan N3P3MS37	72
16 Nilai Murni dalam Retorik Penerangan bagi N1P2-3MS139, N2P3MS177 dan N3P4MS53	73

17	Nilai Murni dalam Retorik Pemujukan bagi N1P5MS133, N2P3MS107 dan N3P2MS52	75
18	Nilai Murni dalam Retorik Pemujukan bagi N1P5MS21-22, N2P2MS109 dan N3P2MS170	76
19	Nilai Murni dalam Retorik Pemujukan bagi N1P5MS21-22, N2P2MS109 dan N3P2MS170	77
20	Nilai Murni dalam Retorik Penghujahan bagi N1P9MS62-63, N2P3MS89 dan N3P4MS20	79
21	Nilai Murni dalam Retorik Penghujahan bagi N1P7MS40-41, N2P2MS93 dan N3P4MS172	80
22	Nilai Murni dalam Retorik Penghujahan bagi N1P4MS73, N2P1MS123 dan N3P5MS172	82
23	Retorik yang Dominan dalam Novel 1 – <i>Demi Tanah Qalha</i>	86
24	Retorik yang Dominan dalam Novel 2 – <i>Aku Lelaki Bernama Rosli</i>	90
25	Retorik yang Dominan dalam Novel 3 – <i>Cinta Bangsawan</i>	93
26	Nilai Murni yang Dominan dalam Retorik bagi Novel 1 – <i>Demi Tanah Qalha</i>	101
27	Nilai Murni yang Dominan dalam Retorik bagi Novel 2 – <i>Aku Lelaki Bernama Rosli</i>	106
28	Nilai Murni dalam Retorik yang Dominan bagi Novel 3 – <i>Cinta Bangsawan</i>	111

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Novel Demi Tanah Qalha	39
2	Novel Aku Lelaki Bernama Rosli	40
3	Novel Cinta Bangsawan	42
4	Perisian ATLAS.ti (Versi 9, Tahun 2022)	49
5	Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) dan Nilai Murni dalam Falsafah Pendidikan Negara (1987)	52
6	Kerangka Konseptual	55
7	Novel Sayembara Berbentuk Cinta Kepada Negara	113
8	Novel Sayembara Berbentuk Cinta kepada Manusia	115
9	Model Retorik Penulisan Novel Sayembara dalam Penerapan Nilai Murni Masyarakat Melayu	117
10	Model Retorik Penulisan Novel Sayembara dalam Penerapan Nilai Murni Masyarakat Melayu	122

SENARAI SINGKATAN

N1	Demi Tanah Qalha
N2	Aku Seorang Lelaki Bernama Rosli
N3	Cinta Bangsawan
R1	Penceritaan
R2	Pendedahan
R3	Pemerian
R4	Penerangan
R5	Pemujukan
R6	Penghujahan
NM1	Baik Hati
NM2	Berdikari
NM3	Hemah Tinggi
NM4	Hormat Menghormati
NM5	Kasih Sayang
NM6	Keadilan
NM7	Kebebasan
NM8	Keberanian
NM9	Kebersihan Fizikal dan Mental
NM10	Kejujuran
NM11	Kerajinan
NM12	Kerjasama
NM13	Kesedaran
NM14	Kesyukuran
NM15	Rasional

NM16	Semangat Bermasyarakat
P1	Perenggan 1
MS1	Muka Surat 1
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
KOMSAS	Komponen Sastera
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
BBM	Bahan Bantuan Mengajar
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PJJ	Pembelajaran Jarak Jauh
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
OKU	Orang Kurang Upaya
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Nilai murni dapat diuraikan sebagai sesuatu perlakuan yang positif, beradab dan bertatasusila dalam perhubungan antara manusia, alam dan juga tuhan. Wan Mohd. Zahid (1988) menyatakan bahawa nilai murni ialah sesuatu perasaan yang diinginkan. Nilai murni yang ada dalam diri Masyarakat, berdasarkan ajaran agama masing-masing. Hal ini merupakan perkara yang normal kerana kepelbagaian agama yang wujud di dunia ini hanya menginginkan pembentukan kehidupan yang baik dan berakhlak mulia. Secara keseluruhannya, nilai murni ialah unsur nilai yang positif yang sememangnya boleh diterima pakai oleh semua lapisan masyarakat kerana dapat memberikan impak yang baik kepada semua. Pendidikan di Malaysia telah menerapkan penggunaan nilai murni yang pertama kalinya dinyatakan secara rasmi daripada Laporan Kabinet (Laporan Mahathir 1979) pada 1989. Semasa zaman kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kementerian Pendidikan, beliau banyak membuat pernyataan dengan mengaitkan isu berkaitan nilai murni yang harus diterapkan kepada pelajar dan guru supaya dapat melahirkan insan yang seimbang dalam pelbagai aspek, seperti dari segi intelek, emosi, Rohani dan juga jasmani.

Retorik moden pula ialah kajian tentang cara penyampaian sesebuah karya dalam penulisan, dan juga ujaran yang telah menggunakan wacana dan konsep mengikut disiplin ilmunya. Pelbagai jenis dan elemen retorik telah dijadikan pilihan bagi para pengarang dalam menghasilkan sebuah penulisan novel (Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh, 2016). Retorik dalam sebuah penceritaan atau naratif sebuah penceritaan ialah salah satu cara dalam menyampaikan sesuatu berdasarkan penceritaan, baik yang berbentuk penulisan mahupun lisan. Bagi penulisan, pelbagai jenis retorik, seperti cerpen, novel, drama, biografi dan lain-lain. Retorik juga berkait rapat dengan seni penggunaan bahasa yang ingin menyampaikan idea yang lebih menarik dan berkesan kepada pembaca atau pendengarnya dengan tujuan memujuk, mempengaruhi dan meyakinkan mereka tentang perkara yang ingin dimaklumkan. Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) menjadi tunjang terhadap proses penganalisisan teks dalam penghasilan sesebuah novel.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kaedah pendidikan di Malaysia menerapkan pelbagai cara dan usaha yang berterusan untuk menuju ke arah perkembangan potensi setiap individu secara menyeluruh dan juga bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari pelbagai aspek, seperti dari segi intelek, Rohani, emosi dan jasmani yang merujuk rapat dengan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha yang ditekankan ini, untuk membantu dalam melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai ilmu pengetahuan, berketerampilan, bertanggungjawab dan berkeupayaan dalam mencapai kesejahteraan

diri dan juga dapat memberikan bantuan kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat lain dan negara sendiri.

Menurut Muhammad Zaid Daud (2020), masyarakat Melayu sentiasa menggunakan peribahasa dalam berkomunikasi sesama sendiri, kerana penggunaan peribahasa ialah cara berkomunikasi secara kiasan dan merupakan teknik yang sangat baik dalam menyampaikan nasihat, teguran bagi perkara yang negatif, memberitahu hasrat dan motivasi kepada orang lain secara baik. Terdapat banyak peribahasa berkaitan dengan alam sekitar yang telah dilahirkan melalui bahasa Melayu yang berkait rapat dengan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu pada zaman dahulu, yang dapat menonjolkan keunikan bahasa Melayu dengan lebih tinggi lagi (Mohd Ridzuan Md. Nasir, 2020). Berdasarkan konteks pendidikan di Malaysia, semua peringkat sekolah dan prauniversiti mengajar pelajar tentang penggunaan simpulan bahasa sebagai salah satu topik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Mohd Ridzuan Md. Nasir (2020) pula mengatakan bahawa adalah amat penting untuk menekankan aspek peribahasa kerana kepentingannya yang sama dari aspek bahasa yang lain, yang boleh didapati dalam pembelajaran bahasa Melayu. Ini adalah kerana pembelajaran simpulan bahasa ialah satu aspek yang sangat penting dalam mempertingkatkan kemahiran berbahasa yang harus dikuasai oleh pelajar (Harlina Mohd Ali & Zamri Mahamod, 2019). Oleh itu, kemahiran berbahasa bagi pelajar sekolah dan prauniversiti dapat dipertingkatkan dengan kefahaman dan kebolehan dalam menguasai simpulan bahasa. Oleh itu, segala aktiviti lisan dan juga penulisan akan menjadi lebih indah dan berkesan untuk pembaca dan pendengarnya.

Retorik ialah seni penggunaan bahasa yang sangat menarik, indah dan estetik. Selain itu, retorik juga berkait rapat dengan penggunaan bahasa yang lebih berketerampilan, sopan dan sangat berkesan semasa berkomunikasi. Penggunaan retorik dalam sesuatu penulisan atau komunikasi lebih berfokuskan cara untuk memujuk atau mempengaruhi pembaca atau pendengarnya (Rohaidah Kamaruddin et al., 2020). Dalam perbandingan lain, retorik juga digunakan dalam pelbagai bentuk. Retorik digunakan dalam pengiklanan dan media cetak, seperti surat khabar dan banyak lagi. Sesuatu kajian berkaitan dengan retorik juga dapat diuraikan dengan lebih banyak cabang, walaupun menggunakan satu penulisan sahaja.

Menurut Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali dan Phat Awang Deng (2020), dalam menyampaikan karya sastera, pengarang banyak memilih teks-teks tradisional sebagai sumber penceritaan. Kecenderungan pengarang dalam menceritakan peristiwa sejarah dalam penulisan yang juga pernah diceritakan dalam penulisan lain tidaklah bertujuan untuk menakar sejarah akan tetapi untuk berkongsi idea, tanggapan dan juga tafsiran dengan menghasilkan cara penceritaan yang baharu menurut perspektif pengarang yang berbeza bagi setiap penulis. Dokumen penulisan tradisional amatlah penting dalam memberikan idea dalam pembinaan naratif novel berunsurkan sejarah. Pembicaraan wacana yang menarik serta ketinggian akal budi masyarakat Melayu yang dikongsikan dalam karya-karya fiksi telah mendapat tarikan yang memberangsangkan, supaya pemikirannya dapat diolah dan dapat dipaparkan dengan suasana yang baharu. Ideologi yang digunakan boleh dijadikan gagasan idea dan dengan sesuatu yang bukan abstrak semata-mata. Malah, ideologi mampu untuk mempengaruhi dan membentuk visi, cara berfikir, bertindak serta berimajinasi (Azhar Ibrahim, 2017).

Selanjutnya, kajian oleh Wan Sofiah Wan Ahmad dan Zulkefli Aini (2019) tentang penggunaan retorik dalam berdakwah menerusi novel karya Hamka. Masalah yang sering dihadapi oleh pendakwah ketika menyampaikan dakwah ialah kekurangan dalam mempersiapkan diri dan juga kekurangan kemahiran asas dalam kepemimpinan dan komunikasi. Oleh itu, jika penguasaan ilmu tersebut berkurangan, ia sekali gus tidak dapat menggunakan metode yang jelas, dan tidak membuat sebarang penyelidikan terhadap pendengar sasaran, perancangan yang berkurangan dan juga tidak membuat penyelidikan yang sepatutnya tentang masalah yang dihadapi oleh umat Islam (Aziz Mohd Zain, 2001). Terdapat pandangan negatif dalam kalangan masyarakat terhadap golongan pendakwah, dan ini merupakan satu cabaran dalam berdakwah. Oleh yang demikian, sepatutnya para pendakwah membuat penyediaan awal apabila ingin menyampaikan dakwah kepada para pendengarnya. Bagi pendakwah yang pertama kali ingin menyampaikan dakwah, disarankan untuk tidak mengupas topik yang terlalu berat, dan sebaliknya lebih mendekatkan diri golongan sasaran dan juga menggunakan bahasa yang lebih mudah untuk difahami, seperti yang disarankan oleh Syeikh Abdurrahman Al-Bilalhiy (Syahidatul Akmal Dunya, 2015).

Ab. Halim Mohamad (2011) pula menyatakan bahawa ilmu retorik Arab adalah sedikit berbeza daripada ilmu retorik yang sedia ada. Retorik Arab mengandungi tiga bahagian yang sangat penting, iaitu ilmu al-bayan, ilmu-ma'ani dan ilmu al-badi'. Fokus pertama yang terkandung dalam sesebuah karya penulisan Arab ialah penggunaan ilmu retorik al-badi' yang membawa maksud tentang perbincangan penggunaan kata dan frasa yang berbunga dan lebih indah untuk didengari dalam sesebuah ucapan. Berdasarkan hal ini, beberapa unsur ilmu al-badi' telah dibincangkan dalam kajian oleh Ab. Halim Mohamad (2011). Antaranya ialah unsur iqtibas (petikan al-Quran atau hadis tanpa sebarang isyarat kepadanya), tibatq (perkataan berlawanan), jinas (persamaan dua perkataan yang berlainan maksud), tawriyah (perkataan yang mempunyai makna zahir dan tersirat), saji' (sajak) dan muwazanah. Oleh itu, penggunaan retorik Arab didapati dapat mewujudkan nilai estetika yang sangat istimewa dalam syair Hamzah Fansuri.

Seterusnya, Nor Azuwan Yaakob (2008) telah menjalankan kajian tentang retorik kewartawanan Melayu yang berpandukan Model Bell (1991). Dalam kajian oleh Nor Azuwan Yaakob (2008), penyelidik telah mengubah suai model tersebut dan telah membentuk modelnya sendiri berdasarkan Model Bell (1991) tersebut. Berdasarkan model baharu yang telah dibentuk, Nor Azuwan Yaakob (2008) mendapati bahawa keberkesanan retorik terbahagi kepada tiga tingkat, iaitu tingkat kata, ayat dan wacana. Analisis kajian oleh Nor Azuwan Yaakob (2008) ini dapat memperlihatkan dengan lebih lanjut lagi tentang retorik dunia kewartawanan Melayu yang mempunyai penggunaan yang sangat mantap berserta dengan penulisan berita dan rencana.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Shabrang dan Ebrahimi (2021) telah menjalankan kajian yang memfokuskan retorik motif dalam menyampaikan penceritaan berdasarkan pengenalan, simbolisme dan imaginasi sahaja. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa kaedah penceritaan tidak dapat disampaikan dengan lebih mendalam untuk menarik lebih banyak perhatian daripada para pembaca atau pendengar. Dewi Haji Samri dan Haziq Aisha (2021)

bersetuju dengan pernyataan Shabrang dan Ebrahimi (2021) yang mengatakan bahawa kajian tentang retorik sahaja tidak dapat menggambarkan pemahaman yang jelas terhadap sesuatu teks bacaan. Di Malaysia, kajian tentang retorik dalam penulisan novel masih lagi terbatas di mana tidak ramai pengkaji membuat kajian tentang retorik yang berkaitan dengan penulisan novel. Di Malaysia, kajian tentang retorik dalam penulisan novel masih lagi terbatas di mana tidak ramai pengkaji membuat kajian tentang retorik yang berkaitan dengan penulisan novel. Kajian terakhir yang boleh ditemui tentang retorik penulisan novel dan penerapan nilai murni adalah oleh Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh pada tahun 2016. Ini adalah kerana kebanyakan kajian retorik penulisan adalah berfokuskan kepada penulisan akbar ataupun ilmiah. Justeru, kajian ini dijalankan, untuk mengenal pasti retorik penulisan novel sayembara yang terdapat dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu. Proses penghuraian data dilakukan dengan menggunakan lima elemen retorik moden, iaitu pemujukan, pendedahan, penerangan, pemerian dan penceritaan.

Seterusnya, kajian yang dilaksanakan oleh Dewi Samri dan Haziq Aisha (2021) menunjukkan bahawa bahasa kajian retorik seharusnya disertakan bersama dengan kajian lain yang memberikan pemahaman lebih jelas tentang retorik tersebut. Malah, kajian secara mendalam tentang elemen retorik juga perlu dititikberatkan supaya pengisian dalam sesebuah tulisan itu lebih difahami berdasarkan konteks yang ditetapkan. Kajian yang dijalankan oleh Dewi Samri dan Haziq Aisha (2021) didapati hampir sama dengan kajian Wan Sofiah Wan Ahmad dan Zulkefli Aini (2019) yang menyatakan bahawa penulisan berbentuk penceritaan, seperti novel perlu memberikan fokus terhadap penggunaan kata terus. Ia sukar untuk difahami dan diterima oleh Masyarakat, terutama dalam penulisan sesebuah novel. Masyarakat didapati tidak mudah menerima huraian tersebut lalu memberikan tanggapan yang salah dalam memahami maksud setiap perenggan yang disampaikan. Malah, kajian daripada Wan Sofiah Wan Ahmad dan Zulkefli Aini (2019) didapati tidak menjelaskan kepentingan penggunaan elemen retorik yang sering kali digunakan dalam penulisan novel dan dapat menarik perhatian yang lebih dalam kalangan pembaca. Menurut Wan Sofiah Wan Ahmad dan Zulkefli Aini (2019), penggunaan retorik moden dalam analisis novel sejarah didapati tidak memberikan kesan dalam kalangan masyarakat. Kedua-dua kajian yang dijalankan oleh Dewi Samri dan Haziq Aisha (2021) dan Wan Sofiah Wan Ahmad dan Zulkefli Aini (2019) dilihat tidak memberikan fokus terhadap nilai murni dalam proses penganalisisan novel. Selain itu, perkaitan tentang penggunaan retorik dan aspek nilai murni dalam penulisan novel sayembara amatlah berkurangan. Justeru, kajian ini dilaksanakan, untuk menganalisis retorik penulisan novel sayembara yang dominan dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu.

Seterusnya, kajian berkaitan dengan penerapan retorik gaya skema yang dilaksanakan oleh Asrul Azuan Mat Dehan et al., (2017) berfokuskan penggunaan retorik dalam penulisan novel yang mempunyai cara komunikasi secara terus atau sebaliknya, antara pengarang dengan pembacanya. Kajian ini hanya menumpukan empat elemen retorik, iaitu keseimbangan, pengulangan, pengguguran dan hiperbaton. Kaedah ini didapati tidak dapat menjelaskan dengan lebih mendalam tentang tahap penyampaian penceritaan karya tersebut. Malah, kajian daripada Asrul Azuan Mat Dehan et al., (2017) dilihat tidak menggambarkan elemen retorik yang sering kali digunakan dalam sesebuah novel. Justeru, kajian ini dijalankan, untuk menganalisis retorik penulisan novel sayembara yang dominan dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu.

Akhir sekali, kajian yang telah dijalankan oleh Dimas Ahmad Rifandi dan Irwansyah Irwansyah (2021) dan Hidzani Asti Rahyuni dan Izzudin Fuad (2021) tentang retorik dalam novel didapati tidak mengandungi analisis tentang emosi. Selain itu, huraian juga dilihat menggambarkan suasana yang kurang mendalam dan menyeluruh. Malah, kajian yang dilakukan oleh Dimas Ahmad Rifandi dan Irwansyah Irwansyah (2021) dan Hidzani Asti Rahyuni dan Izzudin Fuad (2021) didapati tidak memfokuskan gabungan nilai murni dengan retorik dalam sesebuah novel. Justeru, kajian ini dijalankan, untuk merumuskan model retorik penulisan novel sayembara dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu dengan huraian bagi setiap elemen yang lebih jelas dan mendalam.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah retorik penulisan novel sayembara dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu?
2. Apakah retorik penulisan yang dominan dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu?
3. Apakah kelebihan dan kekurangan hasil retorik penulisan novel sayembara dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu?

1.5 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti retorik penulisan novel sayembara dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu.
2. Menganalisis retorik penulisan yang dominan dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu.
3. Merumuskan hasil retorik penulisan novel sayembara dalam penerapan nilai murni masyarakat Melayu.

1.6 Batasan / Skop Kajian

1.6.1 Novel Sayembara Sejarah Remaja

Kajian ini menggunakan tiga buah novel yang dipilih daripada pemenang sayembara novel sejarah remaja pada 2019, iaitu *Demi Tanah Qalha* (tempat pertama), *Aku Lelaki Bernama Rosli* (tempat kedua), *Cinta Bangsawan* (tempat ketiga). Sayembara ini merupakan kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Persatuan Sejarah Malaysia. Keputusan sayembara ini diumumkan secara talian pada 11 Disember 2020 (<https://www.bharian.com.my>). Buku yang dipertandingkan dalam sayembara ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, peranan persatuan sejarah Malaysia, untuk memupuk minat, usaha pemuliharaan,

penyelidikan dan penyimpanan serta penerbitan. Pertama, peranannya untuk memupuk minat yang mendalam dan berkekalan dalam kalangan para pembaca berkaitan dengan ilmu sejarah, adat dan budaya yang ada pada pelbagai penduduk di Malaysia, termasuklah negara-negara yang mempunyai perkaitan. Kedua, untuk menjalankan usaha yang terbaik dalam memelihara barangan sejarah yang pelbagai, seperti artifak, monumen dan kawasan yang mempunyai kepentingan sejarah dan kebudayaan. Ketiga, untuk memberikan bantuan yang sepatutnya dalam segala usaha penyelidikan, perakaman dan juga penyimpanan rekod yang membabitkan dokumen berkaitan dengan sejarah, bahasa, sastera dan budaya. Keempat, untuk menerbitkan jurnal dan penerbitan lain yang berunsurkan sejarah atau yang berkaitan dengannya.

1.6.2 Retorik Moden

Menurut Dewi Samri (2022), retorik boleh didapati dalam pelbagai jenis komunikasi antara penyampai dengan pendengar. Penggunaan retorik dapat memperbaiki proses pengolahan bahasa. Hal ini berkait rapat dengan penggunaan bahasa yang menarik bagi setiap pengucapan yang dapat menghasilkan pengaruh kepada pendengarnya (Nur Sakinah Sabari, 2018:9). Kajian lalu berkaitan dengan retorik moden yang memberikan fokus terhadap novel sayembara sejarah remaja dilihat agak kurang. Kebanyakan kajian lalu tentang retorik moden memberikan fokus terhadap novel biasa. Selain itu, kajian yang mengaitkan retorik moden (Enos & Brown, 1993) dengan novel sayembara sejarah remaja juga merupakan sesuatu yang baharu dan masih perlu dikaji untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam tentang retorik moden. Setiap retorik akan dibahagikan dengan lebih lanjut berdasarkan perkataan dengan maksud yang sinonim. Sinonim tersebut dirujuk daripada Kamus Dewan Edisi Keempat sahaja.

1.6.3 Nilai Murni

Nilai murni merupakan pengajaran dan pembelajaran yang perlu dimiliki oleh setiap insan, terutama ketika berkomunikasi. Komponen Sastera (KOMSAS) dalam bahasa Melayu di Malaysia (Falsafah Pendidikan Negara, 1987) memberikan penekanan terhadap usaha dalam menerapkan unsur nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ia merangkumi aspek agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini yang juga selari dengan nilai-nilai moral sejagat. Menurut Mohammad Syawal Narawi et al., (2022), nilai bermaksud konsep yang dijadikan asa atau harapan bagi seluruh Masyarakat untuk memperlihatkan, mengukur mahupun dalam proses membuat pilihan tentang sesuatu perkara, darjat, mutu, kualiti dan juga taraf kelakuan seseorang ataupun kelompok. Nilai ialah sesuatu yang baik, berharga dan bernilai. Nilai murni pula ditakrifkan sebagai nilai-nilai murni ataupun nilai-nilai yang positif yang boleh diterima oleh masyarakat Malaysia. Nilai-nilai sejagat yang positif ini dituntut oleh agama, kepercayaan, adat resam dan kebudayaan. Kajian berkaitan dengan nilai murni dalam novel sayembara sejarah remaja perlu diberikan fokus dengan lebih mendalam untuk mendapatkan hasil penceritaan berunsurkan nilai murni yang dilihat dari perspektif dan kefahaman seseorang remaja. Setiap nilai murni akan dibahagikan dengan lebih lanjut berdasarkan perkataan dengan maksud yang sinonim. Sinonim dirujuk daripada Falsafah Pendidikan Negara dan Kamus Dewan Edisi Keempat sahaja.

1.6.4 Masyarakat Melayu

Seperti sedia maklum, segala hal yang berkaitan dengan masyarakat Melayu, sama ada budaya atau penulisannya sentiasa dikaitkan dengan unsur nilai-nilai murni. Hal ini demikian kerana sifat nilai murni seharusnya terdapat dalam diri setiap manusia. Nilai ini perlu dipupuk dari awal supaya setiap orang dapat menilai dan menggunakan sifat yang baik tersebut dalam diri mereka sepanjang masa. Bagi masyarakat Melayu, sifat nilai murni didedahkan menerusi pelbagai cara, seperti dalam bentuk penulisan novel, cerita pendek, drama, skrip filem, skrip animasi, kartun dan pelbagai cara lagi.

1.6.5 Perkaitan antara Novel Sejarah dengan Retorik dan Nilai Murni

Novel sejarah, retorik dan nilai murni boleh dikaitkan dengan sikap patriotisme yang terdapat dalam diri setiap orang. Sesuatu perkara yang berlaku pada masa dahulu merupakan sebuah sejarah. Sejarah sentiasa berhubung kait dengan semangat patriotisme seseorang, seperti perasaan bangga terhadap negara sendiri selain sering memandang tinggi terhadap masa depan sesebuah negara. Perasaan bangga turut hadir apabila dapat hidup bersama dengan pelbagai kaum dan bangsa yang wujud di negara Malaysia ini. Selain itu, sejarah yang ada dalam novel tersebut bukanlah berkaitan dengan sejarah sahaja, tetapi mempunyai unsur nilai-nilai murni. Unsur nilai murni boleh diajarkan dan disebarkan kepada setiap golongan masyarakat melalui pelbagai cara.

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Masyarakat

Kajian ini penting bagi Masyarakat, terutama dalam kalangan remaja untuk memahami segala kepentingan maklumat berkaitan dengan sejarah negara yang telah diceritakan dalam novel tersebut (Mohammad Syawal Narawi et al., 2022). Cara penceritaan dalam novel tersebut telah dikarang dengan teknik penceritaan dan penggunaan ayat yang lebih mudah untuk difahami. Malah, ia lebih menarik demi menarik perhatian para remaja untuk membaca cerita berkaitan dengan sejarah. Oleh itu, masyarakat akan lebih berminat untuk membaca lebih banyak novel berkaitan dengan sejarah sekali gus dapat meningkatkan ilmu tentang sejarah negara.

1.7.2 Kementerian Pendidikan

Kajian ini penting bagi Kementerian Pendidikan membantu mendapatkan maklumat untuk menghasilkan buku rujukan berkaitan dengan subjek sejarah yang dihasilkan dalam bentuk novel sayembara sejarah remaja (Chew Fong Peng, 2022). Ini merupakan salah satu pendekatan yang amat baik untuk menarik minat para pelajar agar lebih fokus dalam memahami isi kandungan dan maklumat penting tentang sejarah negara.

1.7.3 Guru

Kajian ini penting bagi guru kerana dapat membantu para guru, terutama guru sejarah. Guru sejarah dapat mempelajari dan menggunakan pendekatan yang berlainan untuk menyampaikan maklumat berkaitan dengan sejarah kepada para pelajar. Perkembangan baik ini sekali gus dapat membantu para guru untuk meningkatkan minat para pelajar dalam bidang ini (Mohd Tajuddin Abd Rahman, 2017).

1.7.4 Pelajar

Kajian ini penting kepada para pelajar untuk mempelajari sejarah negara menerusi cara yang lebih menarik (Muhamad Khairul Anam Ishak & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2021). Fakta berkaitan dengan sejarah telah diolah dalam bentuk penceritaan yang lebih menarik menerusi novel tersebut, untuk membantu mengetengahkan sejarah negara dalam bentuk jalan cerita seolah-olah seperti kita sendiri yang turut melalui perjalanan sejarah tersebut.

1.7.5 Sejarawan

Kajian ini penting bagi sejarawan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan Sejarah, termasuklah kepentingan penerapan retorik moden dan nilai murni dalam sesebuah novel sejarah (Mohd Ridzuan Md Nasir, 2020). Kajian ini juga boleh menjadi idea utama untuk menghasilkan karya penulisan tentang sejarah sehingga memberikan impak yang baik kepada golongan masyarakat. Selain itu, perkembangan positif ini berupaya menarik minat para remaja untuk mengenali dan menggemari novel berunsurkan Sejarah, terutama novel sayembara sejarah remaja.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Nilai Murni

Nilai murni (Falsafah Pendidikan Negara, 1987) membawa maksud tentang perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu dalam hubungan sesama manusia, alam dan Tuhan. Nilai murni tidak mengandungi unsur-unsur asing atau yang mencemarkan sikap seseorang. Nilai murni juga berkait rapat dengan penyerapan ilmu pengetahuan melalui pendidikan. Nilai murni adalah tingkah laku, perbuatan atau gerak laku yang menuju ke arah membuat kebaikan dan dapat memberikan teladan yang berkaitan dengan nilai kemanusiaan.

1.8.2 Retorik Moden

Retorik adalah antara bidang sublinguistik yang amat penting yang perlu dikuasai oleh semua pengguna bahasa. Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) kerap kali digunakan untuk membantu pengguna bahasa secara dalam penulisan ataupun percakapan dalam memberikan buah fikiran, saranan, pendapat dan pandangan yang baik sehingga mampu untuk menarik perhatian dan minat pendengar atau pembacanya. Keyakinan seseorang boleh dibina dengan menggunakan seni retorik dalam wacana bahasa.

1.9 Novel Sayembara Sejarah Remaja

Konsep penyejarahan merupakan sebuah kajian penulisan yang berlaku pada zaman dahulu yang menampakkan pelbagai sejarah berkaitan dengan kehidupan dan tamadun manusia. Kepentingan aspek sejarah dan penyejarahan dalam penulisan novel sayembara sejarah remaja antaranya ialah remaja, termasuklah semua golongan masyarakat dapat bertindak dengan lebih rasional serta menolak unsur legenda, mitos dan khayalan. Selain itu, segala jenis fakta, hujah, data dan contoh dalam sebuah penulisan novel sayembara sejarah remaja seharusnya disampaikan dengan cara yang tepat berdasarkan tarikh, peristiwa yang berlaku dan juga tokoh sejarah yang berkaitan dengan penceritaan tersebut. Proses pemilihan dokumen, surat monumen, foto, artifak, tulisan dan sumber sejarah tersebut haruslah dilakukan dengan cara yang tepat kerana semua itu merupakan unsur yang sangat penting dalam memastikan keaslian kisah sejarah tersebut dikekalkan sehinggalah dapat disampaikan semula melalui penceritaan dalam penghasilan penulisan novel sayembara sejarah remaja. Keputusan sayembara diumumkan secara dalam talian pada 11 Disember 2020 di laman web <https://www.bharian.com.my>. Buku yang dipertandingkan dalam sayembara ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

1.9.1 Falsafah Pendidikan Negara (FPN)

Pendidikan di Malaysia adaah antara usaha yang berpanjangan dan berterusan menuju ke arah perkembangan seseorang individu secara menyeluruh dan bersepadu. FPN bertujuan untuk melahirkan dan mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari pelbagai aspek, seperti dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini, untuk melahirkan rakyat Malaysia yang tinggi ilmu pengetahuan, berketerampilan, bersikap tanggungjawab yang tinggi dan dapat mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Falsafah Pendidikan Negara, 1987).

1.10 Organisasi Kajian

Bab satu mengandungi pengenalan serta latar belakang kajian. Selain itu, bab ini juga mengemukakan penyataan masalah yang mewujudkan objektif dan persoalan kajian. Kepentingan kajian juga melibatkan pihak berkepentingan, iaitu masyarakat,

Kementerian Pendidikan, guru, pelajar dan sejarawan. Batasan kajian jelas menunjukkan sampel dan instrumen kajian. Selain itu, bab ini turut menjelaskan rangka tesis yang menggambarkan kandungan tesis yang bakal dihasilkan.

Seterusnya, Bab Dua mengandungi sorotan kajian lepas yang memfokuskan aspek nilai-nilai murni dan retorik moden yang terkandung dalam novel. Malah, kupasan turut melibatkan aspek yang lain juga. Bab ini akan turut membincangkan persamaan dan perbezaan antara kajian lepas dengan kajian yang akan dijalankan ini. Aspek yang belum difokuskan dalam kajian lepas dan selaras dengan objektif kajian ini juga boleh dilaksanakan.

Bab Tiga pula menerangkan metodologi kajian. Bab ini akan menerangkan reka bentuk kajian, termasuklah sampel, instrumen, prosedur, kerangka teori, analisis data serta kerangka konsep. Bab ini dilihat dapat membantu memahami prosedur untuk melaksanakan kajian tentang analisis nilai murni dalam retorik penulisan novel sayembara sejarah remaja 2019.

Selanjutnya, Bab Empat membincangkan hasil dan perbincangan kajian, iaitu proses menganalisis nilai-nilai murni dalam retorik penulisan novel sayembara sejarah remaja. Bab ini juga merangkumi Falsafah Pendidikan Negara (1987) dan teori retorik moden oleh Enos & Brown (1993) yang mempunyai perkaitan dengan keputusan kajian.

Akhir sekali, Bab Lima menyimpulkan tesis dengan mengimbas kembali hasil kajian. Kesimpulan ini turut melibatkan cadangan untuk kajian lanjutan yang berkaitan dengan nilai-nilai murni dalam retorik penulisan novel sayembara sejarah remaja.

1.11 Kesimpulan

Bab ini dapat membantu dalam proses memahami aliran kajian. Nilai-nilai murni yang terkandung dalam retorik penulisan novel sayembara sejarah remaja dilihat dapat memberikan impak yang besar kepada para pembaca. Selain dapat memberikan impak yang lebih baik dan positif, kesimpulan akan memudahkan pembaca untuk memahami mesej yang terkandung dalam hasil penulisan tersebut dengan lebih jelas. Bab seterusnya akan memfokuskan sorotan kajian berkenaan dengan nilai-nilai murni dan juga retorik moden.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Mohamad. (2011). Unsur-unsur Ilmu Badi' Arab dalam Syair Hamzah Fansuri. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 29(2), 67-82.
- Ahmad Wafi Yunus & Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin. (2023). Penulisna Lirik Lagu Malique: Satu Analisis Retorik Moden. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(1), 15-25.
- Akalily Narmi, Mohd Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin, Pabiyah Hajimaming @ Toklubok. (2023). Pengaruh Pemikiran Al-Dihlawi Mengenai Taklif dalam Kitab Hujjat Allah Al-Balighah Terhadap Pemikiran Sastera Islam Mohd. Affandi Hassan dalam Gagasan Persuratan Baru. *Afkar*, 25(1), 199-230.
- Aristotle. (1952). *The Works of Aristotle*. USA: Chicago.
- Aristotle. (1959). *Aristotle: Politics*. London, Heinemann: Cambridge, Harvard University Press.
- Aristotle. (1991). *Aristotle on Rhetoric a Theory of Civic Discourse*. New York and Oxford: Oxford University Press.
- Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob & Nik Fazrul Azri Nik Azis. (2017). Penerapan Retorik Gaya Skema Dalam Pengkaryaan Novel Salina. *Journal Business and Social Development*, 5(1), 60-78.
- Awang Sariyan. (2006). Retorik Sebagai Alat Berbahasa. *Pelita Bahasa*, 18(1), 8-12.
- Azhar Ibrahim. (2017). *Kemanusiaan Sastera*. Kuala Lumpur: Pustaka Obscura.
- Aziz Mohd Zain. (2001). *Da'wah (Islam)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Asrul Azuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Keanekaragaman Retorik Gaya Trope dalam Penulisan Novel Salina. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6(1), 1-12.
- Bach, K. & Harnish, R. M. (1979). *Linguistic Communication and Speech Acts*. USA: MIT Press.
- Bell, R. T. (1991). *Translation and Translating: Theory and Practice*. New York: Longman.
- Brilhart, J. K. (1992). *Practical Public Speaking*. (2nd eds.). New York: Harper Collins.
- Brooks, C. & Warren, R. P. (1979). *Rhetoric Modern* (4th Ed.) San Diego: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Burke, K. (1967). *Philosophy of Literary Form: Studies in Symbolic Action*. Baton Rouge: Louisiana State University Press.

- Burke, K. (1969). *A Grammar of Motives*. Berkeley: University of California Press.
- Burwick, F. (1967). *Selected Essays of Rhetoric*.
- Cerku. (2013). *The Art and Rhetoric of Letter Writing: How Letter Writing Manuals Have Evolved and Preserved Rhetorical Strategies Throughout Centuries*. (Unpublished PhD Thesis). Michigan: Oakland University.
- Chew Fong Peng. (2022). *Penerapan Nilai-nilai Murni Menerusi Komsas dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa. Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset dan Teknologi.
- Dewi Samri & Haziq Aisha. (2021). Penggunaan Bahasa Retorik dalam Pemawahanaan Informasi COVID-19 Di Negara Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 21(2), 95-117.
- Dewi Samri. (2022). Pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam Penyampaian Ceramah Ustaz Kazim Elias. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 49-76. DOI: [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no3)
- Dimas Ahmad Rifandi & Irwansyah Irwansyah. (2021). Retorika Juru Bicara Satgas Covid-19 diPlatform Youtube. *Jurnal Teknologi dan Sistem Informasi Bisnis*, 3(1), 64-77.
- Dixon, P. (1991). *Retorik*. Diterjemah oleh Ismail Hamzah Nasution. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dori Wuwur Hendrikus, P. SVD. (1991). *Retorika, Terampil Berpidato, Berdiskusi, Berargumentasi, Bernegosiasi*. Indonesia: Kanisius.
- Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Zahir Ahamd. (2021). Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip 'Hikayat Saerah Dengan Suami'. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 15-23. DOI: <https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0902-02>
- Enos, T. & Brown, S. C. (1993). *Defining the New Rhetoric*. Newbury Park, California: Sage Publishing.
- Faezah Muhayat, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi and Fazilah Husin. (2023). Integrasi Nasional Dalam Novel Kanak-Kanak Terpilih. *Kajian Malaysia*, 41(1), 235–262.
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan. (1996). *Falsafah Pendidikan Negara 1987*.
- Fraunce, A. (1969). *The Lawyer's Logic*. Yorks: Menston.
- Gorys Keraf. (1981). *Eksposisi dan Deskripsi*. Jakarta: Nusa Indah.
- Gorys Keraf. (2000). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

- Gusfield, J. R. (1992). Listening for The Silences: The Rhetorics of the Research Field. Dalam Richard Harvey. (eds.). *Writing the Social Text: Poetics and Politics in Social Science Discourse*, 117-134. New York: ALDine de Gruyter.
- HAMKA. (2018). *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Gema Insani.
- Hanapi, M. S. & Nason, A. M. (2019). Penerapan Pendekatan Pendidikan Berasaskan Qalbu dalam Pembelajaran Abad 21: Cabaran dan Harapan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 33-48.
- Harlina Mohd Ali & Zamri Mahamod. (2019). Kit Boneka Peribahasa (BOSA) sebagai Bahan Dalam Pembelajaran Simpulan Bahasa: Satu Kajian Tindakan. In Norsofiah Abu Bakar, Radiah Yusoff, Muhammad Zuhair Zainal, Wan Azni Wan Mohamad (Eds.), *Linguistik, Bahasa dan Pendidikan*. Universiti Sains Malaysia.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsip Penerapannya*. Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera. 1-33.
- Hasnawati. (2021). Implikasi Pendidikan Islam Sejak Anak Dalam Kandungan. *Jurnal Andi Djemma*, 4(1), 8-17.
- Hidzani Asti Rahyuni dan Izzudin Fuad. (2021). Dampak Covid-19 Terhadap Usaha Mikro Kecil Menengah (UMKM) di Daerah Sukamelang Subang Jawa Barat. *Syntax Fusion: Jurnal Nasional Indonesia*, 1(8).
- Izuli Dzulkifli & Asmawati Suhid. (2018). Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 37-45. DOI: <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.17>
- Jalaluddin Rakhmat. (1999). *Psikologi Komunikasi*. Remaja Rosdakarya.
- Korzybski, A. (1933). *Science and Sanity: An Introduction to Non-Aristotelian Systems and General Semantics*. (5th eds.). USA: Benny's Books LLC.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1998). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lee, I. J. (1949). *Language Habits in Human Affair: An Introduction to General Semantics*. USA: ThriftBooks-Atlanta.
- Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics*. New York: Longman.
- Lim, C. H. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Selangor: McGraw-Hill.
- Lindemann, E. (1982) *A Rhetoric for Writing Teachers is Shaped*. New York: Oxford University Press.

- Mc Croskey, Larson dan Knapp. (1971). *An Introduction to Internal Communication*.
- Merriam, S. B. & Tisdell, E. J. (2015). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*, 4th eds.
- Merrigan, A. & Huston, C. L. (2004). *Communication Research Methods*. Southbank, Victoria: Wardsworth/Thomson Learning.
- Miftah Wangsadanureja, Ika Juhriati & Muhammad Arif Muchlisin. (2023). Analisis Genre Wacana Surat Hamid Kepada Zainab dalam Novel di Bawah Lindungan Ka'bah. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 22(1), 35-46.
- Mohamad Khairi Othman. (2014). Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar. *Journal of Human Development and Communication*, 3(S), 81-92.
- Mohamad Shahidan. (2004). Retorik dan Stilistik. *Pelita Bahasa*, 3(1), 32-33.
- Mohammad Syawal Narawi, Nor Hasimah Ismail, Nuraini Yusoff & Lee Jun Choi. (2022). Pembentukan Nilai Murni Sebagai Sarana Mesej Berdasarkan Karakter Nama dalam Kata Panggilan Adat Masyarakat Kelabit. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5(17), 1-12. DOI: <https://doi.org/10.35631/IJHPL.517001>
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah. (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(1).
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-nilai Murni Dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Jurnal Kajian Malaysia*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-nilai Murni Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali & Phat a/l Awang Deng. (2020). Hipoteks Sebagai Idea Penggaluran Naratif Dalam Novel Berunsur Sejarah Tun Tuah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 97-107.
- Mohd Ridzuan Md Nasir. (2020). *Memahami Asal-Usul Peribahasa Melayu*. Menhaji Resources.
- Mohd Tajuddin Abd Rahman. (2017). *Kamus Peribahasa* (4th ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: Oxford Fajar.
- Mohd Muqrie Mohd Sopi & Siti Jamiaah Abdul Jalil. (2022). Dakwah Melalui Pendekatan Usrah Terhadap Pembangunan Insan Mahasiswa. *Al-Himah*, 14(1), 53-69.

- Muhamad Khairul Anam Ishak & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2021). Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Simpulan Bahasa Melayu Tahap 1 Sekolah Rendah: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*, 4(1), 148-168. DOI: <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.247>
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. [Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sarawak].
- Muhammad Mukhlis, Akbar Al Masjid, Heny Kusuma Widyaningrum, Kokom Komariah & SUMarlam Sumarlam. (2020). Analisis Wacana Kritis Model Teun A. Van Dijk pada Surat Kabar Online Dengan Tajuk Kilas Balik Pembelajaran Jarak Jauh Akibat Pandemi Covid-19. *GERAM: Jurnal Pendidikan, Bahasa dan Sastra*, 8(2), 73-85.
- Natanson, M. & Johnstone, H. W. (1963). *Philosophy, Rhetoric and Argumentation*. USA: University of Park.
- Nor Azuwan Yaakob. (2008). *Retorik Kewartawanan Melayu Akhbar Berita Harian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nora Aziz. (2004). *Retorik Novel Shit: Analisis Novel Paling Luas*. (Latihan Ilmiah yang belum diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Azam Mahat. (1997). *Bahasa dalam Uslub Dakwah: Analisis Wacana Khutbah dari Perspektif Retorik*. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norulwidad Zakaria, Abdul Rasid Jamian & Ariff Mohamad. (2023). Analisis Teori Relevans: Perwatakan, Nilai dan Pengajaran dalam Novel Jalan Ke Puncak Karya Juri Durabi. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), 1-13.
- Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim. (2023). Pengaplikasian Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) dalam Novel Pantai karya Azmah Nordin: Application of Stylistic Principles J.J. Webber (1989) in Novel Pantai Kasih by Azmah Nordin. *PENDETA*, 14(1), 88–113.
- Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim. (2023). Analisis stilistik dalam novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. *Malay Literature*, 36(1), 137–166.
- Nur Sakinah Sabari. (2018). *Retorik Pembujukan Dakwah Dalam Lagu Nasyid: Kajian Terhadap Lagu Opick dan Hafiz Hamidun*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Nurfarhana Che Awang & Azmil Tayeb. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Konsep Kewarganegaraan Inklusif: Antara Normatif dan Realiti Suatu Kajian Komprehensif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5). DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1500>
- Nurhasma Muhammad Saad, Yuslina Mohamed, Wan Moharani Mohammad, Muhammad Marwan Ismail & Zulkipli Md Isa. (2021). Teknik Retorik Penceritaan Hadis Naratif Sahih al-Bukhari Berdasarkan Perawi Terpilih. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3), 199-216.

- Nurul Atikah Mohamd Razman, Nur Fatihah Najwa Mohd Tarmizi, Syasya Aqilah Zamri, Nur Arifah Adila Mohd Fauzi, Ainurul Shafiqah Mohamad Khairul Azhar, Nur Farzana Balqis Mohd Fauzi & Mohd Razimi Husin. (2022). Pengurusan Tingkah Laku dan Disiplin Pelajar di Sekolah Kebangsaan Bagan Datuk Perak. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(2), 81-88.
- Nurul Nadiyah Zamri & Zulkefli Aini. (2021). Retorik dalma Dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, Special Edition, 149-158.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik Naratif dalam Novel Orang Kota Bharu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 12-33. DOI: <https://doi.org/10.17576/IMAN-2013-0402-02>.
- Rahman, R., Masruri, M., Abdullah, M. H., Saleh, N. S., & Wahidi, R. (2021). Meneroka Sumbangan Masyarakat Kelas Menengah Muslim di Malaysia Terhadap Pembangunan Sosio-Ekonomi Negara. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 211-224. DOI: <https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.2.573>
- Riki Rahman, Muhammad Masruri, Muhaymin Hakim Abdullah, Nor Shela Saleh & Ridhoul Wahidi. (2021). Meneroka Sumbangan Masyarakat Kelas Menengah Muslim di Malaysia Terhadap Pembangunan Sosio-Ekonomi Negara. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. DOI: <https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.2.573>
- Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Nur Akmal Rosli, Muhammad Nur Iqbal Mohd Samsudin, Michelle Rodrigues & Wan Noor Aini Wan Ahmad. (2023). Rhetoric in The Sinar Harian's Newspaper. *International Journal Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(5), 2984-2997.
- Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Nur Akmal Rosli, Minah Mohammed Salleh, Zuraini Seruji, Sharil Nizam Sha'ri, Veeramohan Veeraputhran & Manimangai Mani. (2020). Retorik Penceritaan Dalam Hikayat Merong Mahawangsa. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(9).
- S. Othman Kelantan. (1996). *Teknik Mengkaji Novel* (Dalaman dan Luaran). Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Sabilan, S., Mohamed Lip, S., Ishak, M. F., Zdainal Abidin, S., & Sulaiman, S. H. (2018). *Konsep Penerapan dan Penghayatan Nilai-nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)*. International Cnference on Moslem Society, 1-13.
- Sara Beden. (2020). Potret Kepimpinan Wanita dalam Wajah Seorang Wanita dari Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Malay Literature*, 33(2). DOI: [https://doi.org/10/37052/ml33\(2\)No6](https://doi.org/10/37052/ml33(2)No6)
- Shabrang, H. & Ebrahimi, M. (2021). Exploring Rhetoric of Motives in Ali Smith's Politic Novel Autumn. *Journal of Foreign Language Teaching and Translation Studies*, 6(2), 71-86.
- Smith, J. (1969). *Time, Times, and the 'Right Time': Chronos and Kairos*.

- Subiyakto, B. & Mutiani. (2019). Internalisasi Nilai Pendidikan Melalui Aktivitas Masyarakat Sebagai Sumber Belajar Ilmu Pengetahuan Sosial. *Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora*, 17(1), 137-166. DOI: <https://doi.org/10.18592/khazanah.v17i1.2885>
- Syahidatul Akmal Dunya. (2015). <http://www.sinarharian.com.my/mobile/rencana/pendakwah-perlu-kreatif-dalam-berdakwah-1.395564> (Diakses pada 14 Jun 2021).
- Syahirah Rosli, Siti Fairuz Mahmud & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103. DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.7>
- Syakila Nur Haliza. (2023). Analisis Penggunaan Gaya Bahasa dalam Novel “Laut Bercerita” Karya Leila S. Chudori. *Bersatu: Jurnal Pendidikan Bhinneka Tunggal Ika*, 1(3), 34-41.
- Syed Arabi Idid. (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin. (1993). *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya & Rohaidah Haron. (2021). Daya Ujaran dalam Wacana Keputusan Perdana Menteri Mengenai COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 72-80.
- Tomi Arianto, Afriana & Padrisan Jamba. (2023). Pelatih English Speaking dan Retorika Komunikasi Melalui Speech dan Debate Bagi Siswa di SMK. *Journal Puan Indonesia*, 4(2), 151-160.
- Veno Supaya & Manonmani Devi M. A. R. Annamalai. (2020). Nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen Tamarai Ilaikal Karya Paavai Mengikut Perspektif Teori Tirukkural. *Journal of Educational and Social Sciences*, 16(1), 93-100.
- Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin. (1988). *Ke Arah Pelaksanaan Nilai-nilai Murni dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara*.
- Wan Nornajmiwati Wan Ab Rahman & Asri Md Saman. (2019). Pembangunan Model Kandungan Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Islam: Satu Analisa Keperluan. *Jurnal IPDA*, 26(1), 152-160.
- Wan Sofiah Wan Ahmad & Zulkefli Aini. (2019). Retorik Dakwah Al-Hikmah Menerusi Kaedah Lembut dalam Novel Tenggelmnya Kapal van Der Wijck Karya HAMKA. *Al-Qanadir International Journal of Islamic Studies*, 13(1).
- Zul Fadli Mohd Kamal, Muammar Ghaddafi Hanfiah & Shaiful Bahri Md Radzi. (2022). Kepengarangan Cerpen Remaja Pasca 13 Mei 1969 Antara Nazel Hashim dan Ismail Sarbini: Suatu Perbincangan dari Sudut Pendidikan Nilai Murni Keberanian Melalui Tema Sejarah. *Jurnah Tuah*, 3(1), 121-130.